

Panduan Isi Borang Jobstreet – Tempat Terbaik Cari Kerja

5 Perkara Yang Anda Perlu Buat Dengan Jobstreet

Assalamualaikum, Jobstreet memang antara [platform cari tempat kerja](#) yang utama di Malaysia. Memang dah banyak sangat dah kilang kilang dan syarikat besar menggunakan jobstreet untuk mendapatkan pekerja.

Kalau tak percaya, boleh refresh atau tengok job listing hari hari, pasti akan ada company yang buat listing baru. Kalau ada yang kata [rujuk JobsMalaysia](#) juga, bagi saya. [JobsMalaysia](#) hanya senaraikan kerja kosong untuk badan yang berkaitan dengan kerajaan. Untuk kilang swasta, kebanyakannya mereka akan lebih menggunakan Jobstreet.

Sebelum saya kongsi panduan cara saya [isi borang Jobstreet](#) ni, mai saya kenalkan dulu siapa saya.

Ringkas sahaja.

Masa saya tengah buat artikel ini, umur saya lebih kurang dalam 29 tahun. Saya belajar dari [University Malaysia Pahang](#). Graduated tahun 2009, 3 tahun saya buat Diploma Mekanikal di sana. Saya mengangur lama juga, walaupun 2009 dah tamat pengajian, tapi 2012 baru dapat kerja betul. Kiranya kerja yang elok, dan sesuai dengan level jurusan saya. Gaji pun ok. Kalau tak, masa masa mula kerja 600 ringgit sahaja. Pernah tak sampai 200 sebulan pun ada.

Kenapa jadi macam ni? Mudah, sebab saya tak pandai cari kerja. Itu sebab saya ada hasilkan [9 cara cari kerja kosong](#) ni. Dan panduan isi borang jobstreet ini adalah antara pengalaman yang

saya dapat.

Benda ni dah jadi kat saya, dan memang tersangat susah. Duit tak ada. Lagi pulak lelaki kan.

Harap tak jadi kat anda juga. ☹

Tentang Jobstreet ni.

Jobstreet adalah source terbaik saya untuk update dengan kerja kosong. Ingat tu, source terbaik ya. Ada 10 semuanya, anda boleh rujuk artikel [10 cara cari kerja kosong](#) saya, untuk tahu lagi 8.

Selain daripada dapat tahu banyak peluang kerja kosong dari company besar besar, dengan juga Jobstreet juga kita boleh tahu competitor kita, yakni orang lain yang turut juga apply. Nanti saya share apa yang saya maksudkan ini di bawah.

Anda boleh ketepikan 10 website lain untuk dapatkan kerja, tapi jangan ketepikan jobstreet yang hanya satu ni.

Selain Jobstreet ni.. Ada lagi 2 panduan untuk daftar website jawatan kosong utama di Malaysia yang anda perlu buat.

1. [MauKerja](#) – Ini website baru, interface sangat cantik, mereka akan update kalau ada Open Interview
2. [JobsMalaysia](#) – Mungkin akan ada jawatan kosong kerajaan di sini.

Ini pengalaman saya...

Ok..kita mula...

1. Register/Login

Untuk mula mula, anda mesti register dan mesti login bila nak view kerja kosong di Jobstreet, kalau tidak login, kita tidak dapat tahu berapa estimate gaji yang company boleh bagi. Sebab

ia hanya visible bila anda login sahaja. Rasanya tak perlu ya saya terangkan cara nak register, straight forward sahaja.



2. Update Profile

Selepas register, anda pergi ke bahagian Update My Profile box kuning dalam gambar yang saya tunjukkan bawah ni.



Untuk bahagian update profile ni saya akan buat video untuk isi kat mana dan bahagian mana.

Nanti saya akan embed videonya di bawah ni.

pending...

Sekarang kita pergi kepada bahagian seterusnya.

3. Setup Lina Job Alert

Lina ni bukan amoi mana mana pula, tapi sistem yang Jobstreet sediakan sendiri. Dimana dengan bantuan 'Lina Job Alert' ia akan bantu update kita akan kerja kosong yang terbaru. Kiranya, kita akan dapat email kalau kriteria yang kita set relate dengan jawatan kosong yang ada.

Jangan marahkan Lina yang selalu ganggu inbox email anda ya. Dia cuma nak bantu. Kalau tak nak, just cancel notification dari Lina sahaja.

Untuk setup Lina notification, kalau tidak silap saya anda memang akan dipandu oleh Jobstreet bila register. Tapi tak apa, saya go thru sekali lagi kalau ada yang ter skip.

Mungkin juga sudah set sekali masa anda update profile, tapi saya buat kan juga sebagai point no 3 supaya kita tak ter skip

pula.

Di bahagian profile, anda click nama anda. Contoh macam saya 'Syed' di bahagian atas kanan sekali.



Dropdown akan turun, anda pilih 'My Account'



Lepas click My Account, anda pergi kebahagian Subscriptions dan pilih 'Edit'



Kalau nak ikutkan, macam yang saya buat atas tu, perhatikan "Job Alerts Email" saya sudah subscribed kan. So ok lah tu, tapi kita click juga untuk saya update lagi sekali sebagai contoh.

Lepas click Edit, anda click pula "Click here to managed job profile alerts"



Kalau perhatikan kat bawah ni, kita macam boleh create job alert jenis yang lebih dari satu.



Terpulang lah, macam saya sengaja saya buat dua.

Lepas tu, anda click lah bahagian pensel tu untuk check sama ada setting anda tu betul atau tidak.

Macam saya punya seperti di bawah:



Email alert frequency tu biar jadi Daily ya.. Supaya kita dapat alert yang paling cepat. Kena cepat cepat rebut dan apply. Nanti lambat..

Jangan lupa save pula.

Sebaik sahaja anda setting Lina atas ni. Kalau anda pergi ke muka hadapan profile anda. Akan nampak direct terus kerja kosong yang related dengan apa yang anda telah set. Seperti yang saya tunjukkan di bawah.



Dan kalau saya click My Lina Job Matches atas tu, akan nampak dropdown lagi satu kategori untuk Marketing Online tu.

Keempat : Boleh lah buat carian kerja kosong

Nampak kan ada box carian ' Search Jobs by Title, Skills or Keywords...' di screen shot bawah ni. Anda jangan terus search atau key in keyword anda di situ ya. Sebab nanti carian dia akan tidak berapa tepat. Sebaliknya tekan yang keyword 'Advanced' itu dahulu.



Dan boleh lah set carian anda kepada tajuk yang sesuai untuk negeri atau kawasan mana yang available.



Selepas buat carian semua. Pergi ke hadapan balik. Dan bila kita pergi ke bahagian depan balik, saya nak jadikan nya sebagai point ke lima..

Tapi sebelum tu, saya nak recap balik point point yang sebelumnya supaya focus anda masih jelas dengan apa yang saya cuba nak sampai.

Apa yang kita nak buat sekarang ialah, pastikan setting dan

apa yang kita isi di Jobstreet benar benar lengkap. Bukan sekadar lengkap sahaja kita juga alert dengan function function yang ada pada jobstreet sebab ia memang akan bantu untuk kita dapat kerja dengan lebih baik.

So itu tujuan kita ya.

Berbalik kepada point tadi,

1. anda mesti register atau login dengan jobsreet
2. Kita mesti update profile, saya akan siapkan videonya ya nanti secepat mungkin.
3. Kita setup Lina Job alert.
4. Anda sudah mula boleh buat carian untuk kerja kosong. Nanti saya kan siapkan video yang ini juga.

Dan bila sudah apply masa anda buat carian di step 4 tadi. Saya akan sambung ke point yang no lima, iaitu track job application anda.

5 : Track Job Application Anda.

Sekarang pergi ke muka hadapan profile anda semula.

Dan click Application seperti di bawah ada bulatan 6 tu. Tu maksud nya ada 6 job application saya yang active kalau tidak silap.



Dan bila anda click 'Applications' tu akan terpapar seperti di bawah.



Dan sekarang, tersingkap lah maklumat maklumat yang saya penting untuk kita tahu. Seperti berapa orang yang apply yang memang sudah pasti akan ramai. Berapa gaji diorang, tahap level kelulusan diorang juga bagaimana. Pengalaman juga.

Tengok bahagian Sandisk sebelah kanan, company ni dah review

resume saya 4 kali dah.

Bermaksudnya apa? Kemungkinan besar dia berminat kan? So apa lagi. sepatutnya saya sudah boleh mula contact Sandisk untuk tahu progress nya. Tapi saya tak buat lah, sebab sekarang ni saya rasa saya dah dapat kerja kilang yang lebih OK sikit kot dari Sandisk, Alhamdulillah.

**apa yang paling penting ialah.

Jangan harapkan jobstreet sebagai tempat untuk company call anda. Tolong lah jangan. Kalau anda anggap macam tu, habis lah. Sebab peluang untuk company contact sangat tipis.

Sebaliknya anda yang kena call, contoh macam kes saya di atas. Sepatutnya saya sudah boleh call Sandisk dan tanya kan interview ka macam mana.

Susah untuk saya huraikan, sebab ia akan buat kan article ini jadi panjang. So itu sebab saya terpaksa buat video.

Insyallah, saya tengah plan rangka presentation nya untuk anda semua.

Baiklah, siap untuk jobstreet. Sekarang anda daftar untuk [MauKerja](#) pula

